

D486

B B496 AAB

MAHATHIR - AIPO R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 26 JAN (BERNAMA) -- NEGARA-NEGARA ASEAN DAPAT BERBANGGA DENGAN KEBOLEHANNYA MENGENDALIKAN PROSES DEMOKRASI DAN PARLIMEN MESKIPUN MENGHADAPI KECAMAN DARIPADA +MEREKA YANG MENGELAMUN, YANG MENYOKONG KONSEP ASING YANG BERFIKIRAN SEHALA SERTA KUMPULAN-KUMPULAN ANTI SOSIAL,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI:

PERDANA MENTERI BERHARAP LAMA-KELAMAAN PROSES DEMOKRASI DAN PARLIMEN ASEAN, DISERTAI DENGAN TEKANAN DAN KETEGANGAN YANG WUJUD AKIBAT PERBEZAAN KEBUDAYAAN, KAUM DAN AGAMA AKAN MENJADI KALIS KEPADA KECAMAN-KECAMAN ITU.

+TETAPI, SEMENTARA ITU, KITA MESTI BERUPAYA MEMPERTAHANKAN PRINSIP-PRINSIP KENEGARAAN KITA DENGAN SEMPURNA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT KESEMBILAN PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN ASEAN (AIPO) DI DEWAN RAKYAT DI SINI.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA PROSES DEMOKRASI DAN PARLIMEN +HENDAKLAH MENJAMIN RAKYAT KITA MENDAPAT HAK MEREKA UNTUK MENGECAP KEAMANAN DAN KESELAMATAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN, KECUALI THAILAND, YANG MENJADI BEKAS TANAH JAJAHAN NEGARA-NEGARA BARAT, MENDAPATI SUKAR UNTUK MENGENDALIKAN DEMOKRASI, KERANA NEGARA-NEGARA PENJAJAH TIDAK MEMBERI PELUANG LATIHAN DALAM PENGENDALIAN KERAJAAN, TERUTAMA CARA KERAJAAN DEMOKRASI.

SESUATU SISTEM TIDAK AKAN BERJAYA SEMATA-MATA KERANA IA SATU SISTEM YANG BAIK, KATA PERDANA MENTERI, DAN MENAMBAH BAHAWA +YANG MEMBUAT IA BERJAYA IALAH ORANG YANG MENGENDALI ATAU MENYERTAINYA.+ -- LAGI.

1528MST 26 01 88

D498

B B503 AAB

MAHATHIR - AIPO.2 KUALA LUMPUR

AKIBAT TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN MENGENAI DEMOKRASI SEMASA DI BAWAH PEMERINTAHN PENJAJAH, RAKYAT NEGARA-NEGARA YANG BARU MERDEKA TIDAK DAPAT MENGENALI MASALAH-MASALAH DAN TANGGUNGJAWAB DALAM AMALAN HAK-HAK DEMOKRASI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN NEGARA-NEGARA ASEAN BERJAYA MENGATASI KESUKARAN DEMOKRASI DAN PADA MASA YANG SAMA MAJU DENGAN PESAT, MASIH BANYAK LAGI YANG PERLU DILAKUKAN UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA MEREKA.

+UNTUK INI, KITA PERLUKAN KESTABILAN,+ KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA PARA ANGGOTA PARLIMEN HENDAKLAH MENYEDARAI PERKARA INI DAN MEREKA HENDAKLAH MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH KESTABILAN.

MEREKA YANG MENGEJAR HAK-HAK DEMOKRASI TANPA MEMPERDULIKAN KESTABILAN DAN MEREKA YANG TIDAK MENGENDAHKAN KEPENTINGAN MAJORITI TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI MEMPUNYAI KEPENTINGAN NEGARA MEREKA MALAH KEPENTINGAN DEMOKRASI DALAM HATI MEREKA.

+ATAS SEBAB-SEBAB INILAH KOMUNIS DAN PELAMPAU TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PROSES DEMOKRASI UNTUK MEMUSNAHKAN DEMOKRASI,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA WAKIL DARI NEGARA-NEGARA ASEAN DAN PEMERHATI-PEMERHATI DARI NEGARA-NEGARA EROPAH, KANADA DAN AUSTRALIA. -- LAGI.

1550MST 26 01 88

D506

B B507 AAB

MAHATHIR - AIPO 3 KUALA LUMPUR

(I)

OLEH ITU, AIPO MEMPUNYAI PERANAN DALAM MENGGALAKAN PEMAHAMAN YANG LEBIH BAIK MENGENAI HALANGAN DAN TANGGUNGJAWAB DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI SAMA SEPERTI IA MESTI MENGGALAKKAN PEMAHAMAN TENTANG FAEDAH YANG BOLEH DINIKMATI DARIPADA SISTEM ITU, KATANYA.

SELEPAS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA SEMASA PERBINCANGAN DENGAN KETUA-KETUA PERWAKILAN DAN PEMERHATI, BELIAU TELAH MENJELASKAN BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN TIDAK TERKECUALI DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG.

BELIAU MEMBUAT MENJELASAN ITU BAGI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DARIPADA PARA PEMERHATI DARI EROPAH MENGENAI NASIB ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN MALAYSIA YANG DITAHAN.

KATANYA, MEREKA DITANGKAP BUKAN KERANA IDEOLOGI MEREKA TETAPI DISEBABKAN TINDAKAN MEREKA UNTUK MENIMBULKAN KETEGANGAN KAUM.

LIMA BELAS ORANG WAKIL MASING-MASING DARI LIMA NEGARA ASEAN IAITU INDONESIA, FILIPINA, SINGAPURA, THAILAND DAN MALAYSIA AKAN MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG SEHARI AIPO DAN BERDIALOG DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN EROPAH SEMASA PERSIDANGAN SELAMA SEMINGGU ITU. -- BERNAMA.

1605MST 26 01 88